

24/09/2003

Dr Mahathir negarawan contoh

KUALA LUMPUR: Kepemimpinan melalui teladan yang ditonjolkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menjadikan Perdana Menteri sebagai contoh unggul bagi memastikan kecemerlangan rakyat dan negara dalam pelbagai bidang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim, berkata Dr Mahathir seorang yang `ketagih kerja', tidak pernah gagal berada di pejabatnya sebelum jam 8 pagi serta suka mengikut budaya kerja masyarakat Jepun dan Korea.

"Sebab itulah Dr Mahathir memperkenalkan Dasar Pandang ke Timur 18 tahun yang lalu.

"Ini bukan disebabkan Perdana Menteri kurang menyukai Barat, tetapi kerana beliau lebih suka dengan etika kerja di Timur.

"Selepas itu Dr Mahathir memperkenalkan penggunaan tag nama untuk semua kakitangan kerajaan sebelum memperkenalkan kad perakam waktu di semua tempat kerja bagi memastikan pematuhan ketepatan waktu.

"Dr Mahathir sentiasa berpegang kepada pepatah bahawa kita boleh lakukan dengan lebih baik apa yang orang lain boleh lakukan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan bertajuk `Dr Mahathir - Seorang Negarawan Asia Bukan Ortodoks dan Pembina Malaysia' sempena pelancaran Ensiklopedia Dr Mahathir Mohamad di Pusat Islam, Universiti Oxford, London, semalam. Teks ucapannya difaks ke sini.

Ahad lalu, ensiklopedia 10 jilid dalam tiga versi iaitu bahasa Inggeris dan Arab serta gabungan bahasa Inggeris dan Arab itu telah dilancarkan di Kuala Lumpur oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Ensiklopedia itu adalah koleksi ucapan Dr Mahathir yang disampaikan melalui forum di dalam dan luar negara selama lebih 20 tahun beliau berkhidmat sebagai Perdana Menteri.

Rais berkata, Dr Mahathir menjadi penggerak dan pendorong kepada kejayaan anak Malaysia mendaki Gunung Everest, belayar mengelilingi dunia dan berenang menyeberangi Selat Inggeris.

"Dr Mahathir telah menjadi pencetus semangat kepada warga muda Malaysia untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan menghentikan politiking ketika menuntut di institusi pengajian tinggi.

"Beliau mengutuk pelampau Islam dan keganasan, sambil meminta Barat supaya turut mengkaji punca sebenar keganasan itu berlaku," katanya.

Rais berkata, jika negara membangun memandang tinggi Dr Mahathir sebagai jurucakap mereka, ia adalah kerana keberanian Perdana Menteri bercakap benar dan mempertahankan kebenaran.